

Ucapan YAB Tun Haji Abdul Razak bin Hussein,
Perdana Menteri, Di Upacara Melancarkan Perbadanan Kemajuan
Jengka Di Kuantan pada 11hb. Oktober, 1970, Jam 10.00 pagi

Saya merasa amat gembira serta sangat-sangat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri khususnya YAB Menteri Besar atas kesudian mereka menjemput saya meresmikan pelancaran Perbadanan Kemajuan Jengka ini. Tidak syak lagi dengan tertubuhnya Perbadanan ini kita telah mencapai setingkat lagi kemajuan dalam usaha memajukan negeri Pahang ini sejak dari bermulanya Rancangan Tiga Segi Jengka tujuh tahun dahulu.

Saperti mana kita sama-sama maklum, Rancangan Jengka merupakan satu rancangan pembangunan raksaksa yang julong kali dilaksanakan di Negeri Pahang kita ini, bahkan sebenarnya bagi seluruh Malaysia. Rancangan ini bukanlah satu rancangan tersendiri, sebaliknya Pembangunan Negara. Dan ini tentu sekali tidak merupakan rancangan yang pertama dan terakhir. Saya ingin menegaskan ini adalah rancangan raksaksa tingkat permulaan yang akan diikuti dengan rancangan besar-besaran seperti ini dimasa depan.

Tuan-tuan sekalian, Sesungguhnya soal memajukan negara khasnya perkembangan ekonomi rakyat telah sering kali saya perkatakan, namun suka saya mengulangi lagi perkara ini terutama dalam hubungannya dengan cita-cita Kerajaan hendak menimbulkan kesetabilan dan membawa kesejahteraan rakyat dan negara. Pengalaman-pengalaman kita yang pahit dalam tahun-tahun yang berlalu ini telah menimbulkan kesadaran iaitu konsep kesejahteraan serta kemakmuran yang kita laungkan selama ini rupa-rupanya tidak mempunyai asas yang kuat. Barangkali disebabkan oleh kelalaian kita sendiri, banyak masalah-masalah sosial yang penting tidak diberi perhatian sepatutnya yang mana kemudiannya membawa akibat buruk kepada kita. Terbit dari keadaan inilah saya telah mengumumkan Dasar Ekonomi Baru yang mana akan mendapat perhatian utama serta diberi maana sepenuhnya dalam Rancangan Kedua Malaysia kelak. Tujuan utama dasar ini ialah membuka peluang pekerjaan yang lebih luas disamping memberikan peluang yang sama kepada semua rakyat dengan matlamat merapatkan jurang ekonomi antara golongan berada dan tidak berada.

Selaras dengan hasrat inilah kita sekarang meningkatkan usaha dua jurusan iaitu lapangan pertanian dengan matlamat jangka panjang iaitu meluaskan bidang untuk perusahaan yang berlandaskan pertanian atau "agriculture-based industry" dan kedua lapangan industri dengan matlamat mengadakan industri sederhana untuk keperluan-keperluan dalam negeri dan juga untuk eksport.

Kita semua maklum bahawa kekayaan yang ada pada kita adalah berupa tanah dan sumber-sumber hasil bumi dan sudah sewajarnya kita mengeksploit kekayaan semula jadi ini dan menyediakan sebagai tapak kehidupan untuk bilangan rakyat yang ramai. Kerana dari sejak zaman berzaman kebudayaan dan tamadun manusia berasas pada kegiatan-kegiatan pertanian sebelum melangkah kelapangan perindustrian.

Tuan-tuan sekalian: Saya fikir tuan-tuan adalah sependapat dengan saya iaitu tugas kita yang maha penting pada hari ini ialah meletakkan satu asas yang kukuh untuk hari depan negara kita demi kebahagiaan dan kesejahteraan keturunan akan datang. Kita semestinya berbuat apa yang boleh menurut kemampuan kita supaya rakyat akan dapat mengecap nikmat hidup sebagai manusia moden, sejajar dengan rakyat negara-negara yang sudah maju dalam zaman technotronic ini. Kalau pun kita tidak dapat mencapai matlamat yang paling jauh dalam usaha kearah ini, saya yakin jenerasi akan datang sekurang-kurangnya berterima kasih atas apa telah kita usahakan itu dan tidaklah menyalahkan kita kerana mengabaikan tanggungjawab kita kepada mereka.

Pada pandangan saya sendiri, dengan tertubuhnya Perbadanan Kemajuan Jengka ini kita telah mencapai satu batu tanda yang penting, mestipun barangkali belum sampai pada had yang mutamad, dalam usaha mencapai kemajuan. Kita sesungguhnya bersyukur kepada Allah Subhanahuwata'ala hidayahnya memb-

eri kepada kita keyakinan dan kemampuan untuk berusaha kearah membaiki taraf hidup rakyat. Rancangan-rancangan yang bersangkutan dengan Tiga Segi Jengka setakat ini hanya berpusat pada usaha meneroka tanah untuk pekebunan dan perumahan, usaha mengeksploitasi kekayaan hasil bumi iaitu kayu kayan dan memproses bahan-bahan mentah ini untuk dijadikan perdagangan.

Dalam kawasan Jengka ini sahaja terdapat 163,500 ekar tanah untuk pembangunan. Kawasan yang tersedia untuk pembangunan pertanian ialah 100,000 ekar dari jumlah mana 35,000 ekar telah pun dibuka serta ditanam dengan getah dan kelapa sawit seluas 20,000 ekar.. Sungguh pun pada permulaan rancangan Jengka ini dulu, kita hanya menitek beratkan bangunan pertanian, tetapi setelah kita mengkaji potensi seluruh kawasan itu, adalah didapati mustahak mengubah approach kita serta menjadikan rancangan yang bercorak 'integrated' dalam mana rancangan-rancangan pembangunan bukan sahaja terhad kepada pembangunan pertanian, bahkan termasuk juga perindustrian dan perdagangan yang memerlukan kemudahan-kemudahan seperti jalan raya, kawasan bandar atau township dengan keperluan-keperluan masyarakatnya seperti sekolah, klinik, bekalan api dan ayer dan perhubungan moden. Teknik 'Integrated Development Approach' adalah satu teknik pembangunan yang baru bagi negara kita dan pertama sekali dilaksanakan di Pahang kita ini. Sudah barang tentu kita masih mengambil segala langkah yang perlu untuk menjayakannya.

Perbadanan ini juga selanjutnya membuka kemungkinan-kemungkinan yang lebih besar, membuka satu babak baru yang mana diharap akan bermula dua atau tiga jenerasi dari sekarang. Kalau hari ini kita sudah pun menyaksikan ladang-ladang getah dan kelapa sawit menggantikan apa yang dahulunya hutan belantara, lengkap dengan kilang-kilang memproses dan sebagainya, tidaklah merupakan fantasi kalau kita menggambarkan dimata kita satu panorama yang hebat ditempat yang sama itu dimana terdapat beberapa buah township atau bandar-bandar yang moden dengan kedai-kedai dan supermarketnya, kawasan perindustrian dan berjenis-jenis rupa moden services yang diperlukan oleh masyarakat yang mewah serta mempunyai taraf hidup yang tinggi. Ini bukanlah satu gambaran khayal kerana sebenarnya daripada kawasan-kawasan penempatan seperti yang dirancangkan di Jengka itulah akan tumbuh dan berkembang apa yang dipanggil agroville atau pusat bandar pertanian yang kemudiannya akan meningkat pula menjadi township atau bandar-bandar moden.

Tuan-tuan sekalian: Sukalah saya menerangkan serba ringkas kenapa Perbadanan Kemajuan ini perlu dibentuk dan dilancarkan dengan segera.

Dari pengalaman kita, adalah semakin nyata Rancangan Jengka menimbulkan beberapa masalah yang memerlukan perhatian dan tindakan segera. Sungguh pun ada kelambatan sedikit, pada keseluruhannya rancangan pembukaan tanah untuk pertanian oleh LKTP berjalan dengan memuaskan. Tetapi saya tidak puas hati dengan kemajuan rancangan-rancangan yang lain yang setengah-setengahnya pula telah mengendalakan kemajuan LKTP. Rancangan-rancangan jalan, kelinik, sekolah, kawasan bandar, bekalan ayer, letrik, talipon dan sebagainya mestilah di selaraskan pembinaannya dengan kemajuan-kemajuan LKTP dan kehendak-kehendak perindustrian disitu. Dari satu masa kesatu masa keadaan ini sama sekali tidak memuaskan dan mesti dibaiki segera. Kerajaan sedang membelanjakan wang berjuta-juta ringgit dalam Rancangan Jengka ini dan Rancangan Jengka ini mestilah dipastikan kejayaannya.

Berbagai-bagai masalah berhubung dengan kakitangan yang tidak cukup, alat-alat jentera, kekurangan pakar-pakar dan pekerja-pekerja yang berpengalaman dan sebagainya menjadi masalah besar, tetapi semua masalah-masalah ini bolehlah dipastikan dan diatasi jika penyelarasan yang rapat antara semua Jabatan-jabatan dan Badan-badan Berkanun dapat diadakan dan dikekalkan. Saya merasa tidak puas hati setakat ini bahawa penyelarasan rapat sudah dicapai oleh Jabatan-jabatan tersebut.

Perbadanan Kemajuan Jengka ditubuhkan untuk mengubah kedudukan ini. Perbadanan ini mestilah

mengambil alih semua kerja-kerja Jabatan-jabatan yang berkenaan, melainkan tugas-tugas LKTP dan Syarikat Jengka dan melaksanakan kerja-kerja tersebut dengan cara memuaskan segala kerja-kerja perancangan, pelaksanaan dan pengawasan. Perbadanan ini juga bertanggungjawab mengadakan penyelarasan diantara rancangan-rancangan Perbadanan dan rancangan LKTP dan Syarikat Jengka Berhad. Untuk mencapai tujuan ini, Perbadanan ini diberi kuasa-kuasa yang luas dibawah Undang-undang Perbadanan supaya tiada timbul lagi kesulitan-kesulitan dan kerumitan dalam tugas serta gerak-langkah Perbadanan dari semasa kesemasa.

Saperti juga Rancangan Jengka dulu, Perbadanan ini adalah satu badan pelopor kerana inilah julong kali satu Badan Berkanun Negeri yang dianggotai dan dibiayai bersama oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan, dan ditadbirkan dengan persetujuan kedua-dua Kerajaan. Tidaklah mustahak bagi saya menekankan disini betapa beratnya tanggungjawab Perbadanan ini, dan kerana Perbadanan saperti ini belum pernah ditubuhkan, maka Perbadanan ini tidak akan mempunyai apa-apa panduan dari mana-mana pihak untuk di contohi dan landasan yang tertentu untuk diikuti. Perbadanan ini mestilah bergantung kepada kebijaksanaan-nya sendiri dan merintis jalan baru untuk badan-badan yang berkemudian mengikutinya. Apa yang hendak saya tegaskan disini ialah Perbadanan ini mesti berjaya.

Negara tidak sanggup menerima kegagalan, tetapi kita sanggup membayar dengan apa juga pun untuk menentukan tercapainya matlamat Kerajaan. Oleh itu saya mahu semua ahli-ahli Perbadanan ini dan pegawai-pegawainya menumpukan segala tenaga usaha mereka kepada kewajipan masing-masing. Pelaksanaan segala rancangan menurut jadual mestilah menjadi matlamat utama Perbadanan ini.

Apa yang kita rancang dalam rangka Perbadanan Kemajuan Jengka ini saya harap akan menjadi contoh dan merupakan satu pattern kemajuan luar bandar negara ini dimasa akan datang. Negeri Pahang amat bertuah kerana dikurniai dengan kawasan tanah yang luas. Tuan-tuan semua maklum sekarang ini sedang dibuat penyiasatan bagi kawasan yang lebih luas di Pahang Tenggara. Saya ingin melihat apa yang telah kita jayakan di Kawasan Jengka akan dijadikan panduan bagi usaha-usaha memajukan Pahang Tenggara yang berjumlah 2.3 juta ekar dan gambaran yang saya bayangkan pada awal tadi akan meliputi bahagian yang begitu luas, yang akan menampung ratusan ribu penduduk baru. Sesuai benar rasanya dengan panggilan negeri kita Darul Ihsan ini rakyatnya dapat hidup mewah dan makmur dalam suasana aman damai berkat ihsan kerajaan pusat dan negeri yang menyediakan tapak asas yang kukuh serta kemudahan-kemudahan yang begitu banyak untuk mereka berusaha menjalani kehidupan yang sempurna sambil mengejar kemajuan.

Saya berharap setelah dilantik Pengerusi bagi Perbadanan ini, ahli-ahli Perbadanan sama ada yang dilantik oleh Kerajaan Negeri atau pun oleh Kerajaan Pusat dan Badan-Badan Berkanun akan berusaha bersungguh-sungguh merancangannya daya usaha Perbadanan sambil memperhatikan supaya jentera badan-badan yang tergabung di bawah Perbadanan ini berjalan dengan lancar untuk mencapai matlamat yang kita tujui.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih atas perhatian tuan-tuan terhadap rancangan ini dengan resminya saya melancarkan Perbadanan Kemajuan Jengka ini.



Gambar ini menunjukkan Allahyarham Tun Abdul Razak dengan disertai oleh dari kiri ke kanan - Ketua Pengarah LPP Encik Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Pengerusi LPP YBM Tengku Ahmad Rithaudin, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Kadir bin Shamsuddin, dan Timbalan Pengerusi LPP YB Datuk Haji Mustafa bin Haji Abdul Jabar sedang bertafakur dan menghadiahkan Al-fatihah keatas roh Allahyarham Tun Dr. Ismail sejurus sebelum istiadat pelancaran LPP pada 13hb Ogos, 1973 di Dewan Tunku Abdul Rahman.